

The book cover features a person wearing a traditional batik shirt, with the intricate patterns of the batik visible in shades of green, blue, and brown. The person's face is partially obscured by the large, bold text. The background is a dark, textured brown.

**PELESTARIAN**  
**SILAT**  
**MELAYU**  
**antara warisan dengan amalan**

Editor  
Nazarudin Zainun  
Mohamad Omar Bidin



# Kelestarian Kebudayaan dalam Seni Silat Cekak Malaysia

Mohd Saiful Aizat Mohd Shafie • Mohd Firdaus Abdul Razak  
• Nurazreena Ahmad

## Pengenalan

Menurut *Kamus Dewan*, kebudayaan boleh didefinisikan sebagai keseluruhan cara hidup (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir) serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban dan kemajuan akal budi. Dalam masyarakat Melayu, ciri-ciri Islam menjadi asas kelakuan dan tindakan, bentuk dan hubungan, intisari nilai, sikap dan pandangan sehingga Islam menjadi jiwa dalam keseluruhan kebudayaan Melayu (Noriati, 1990). Sejarah telah membuktikan bahawa bangsa Melayu telah maju dan memiliki tamadun-tamadun yang unggul menguasai bidang-bidang penting apabila agama Islam dijadikan sebagai cara hidup mereka (Abdul Majid, 2011).

Seni silat merupakan salah satu komponen utama budaya yang telah terbukti bukan sahaja berperanan sebagai ilmu perang, tetapi juga sebagai satu cara hidup (budaya) Melayu yang bertunjangkan agama Islam dan telah berjaya membentuk jati diri unggul bangsa Melayu (Abdul Majid, 2007). Namun begitu, kesan daripada fenomena budaya popular dalam arus globalisasi yang melanda negara kini, melunturkan jati diri bangsa Melayu. Mereka mudah dipengaruhi oleh budaya luar seperti budaya barat dan budaya K-pop yang secara jelas membawa unsur-unsur negatif dan tidak sihat berbanding hak warisan sendiri yang begitu tinggi nilainya. Kebanyakan seni budaya Melayu yang kerap diketengahkan kini adalah berbentuk hiburan semata-mata seperti tarian tradisional, permainan dan